



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

SIARAN MEDIA

DIALOG KEUSAHAWANAN WANITA 2020

MEMBICARAKAN EKOSISTEM KEUSAHAWANAN WANITA SECARA MENYELURUH

KUALA LUMPUR, 15 September 2020 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), buat julung kalinya telah berkolaborasi bersama-sama dengan agensi di bawahnya seperti Bank Rakyat, SMECorp dan TEKUN bagi menganjurkan program “Dialog Keusahawanan Wanita 2020” bersama YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Haji Shamsudin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Program yang diadakan bertempat di Dewan Tun Abdul Razak, Menara Kembar Bank Rakyat ini telah dihadiri oleh seramai 120 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan MEDAC/ Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan, wakil daripada pelbagai koperasi/ pertubuhan/ persatuan wanita, serta wakil media. Sesi dialog pada hari ini juga dapat diikuti secara maya melalui aplikasi *FB Live* dan *Google Meet* oleh kumpulan sasar berkenaan dan individu yang berminat.

Penganjuran dialog ini telah mencapai objektifnya di mana melalui platform ini, wakil koperasi/ usahawan wanita (pelbagai lapisan) telah mengetengahkan secara langsung isu-isu dan cabaran yang dihadapi, serta cadangan penambahbaikan bagi dasar/ program keusahawanan wanita sedia ada, khususnya dalam menghadapi cabaran pandemik Covid-19 ini yang menyebabkan banyak pihak dan industri terkesan, terutamanya komuniti usahawan.

Hasil kajian oleh SME Corp mendapati kira-kira 170,000 usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), mikro dan koperasi seluruh negara terjejas ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana pandemik koronavirus (Covid-19) ini. Manakala, berdasarkan kaji selidik MEDAC berhubung impak Covid-

19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap usahawan pula, sebanyak 8.85% perniagaan telah 'gulung tikar', 34.89% mengalami penurunan pada eksport, 54.3% mengalami penurunan hasil jualan dan 58.5% bersedia untuk menceburi bidang perniagaan baharu.

Semua input yang diperolehi pada sesi dialog pada hari ini amat bermakna kepada MEDAC kerana ianya akan memberi nilai tambah (*value add*) kepada penggubalan dasar/ program keusahawanan sedia ada serta penggubalan dasar/ program-program baru keusahawanan pada masa akan datang, seiring dengan usaha MEDAC bagi memperkasa koperasi/ komuniti usahawan wanita ini. Selain itu, sesi pada hari ini juga telah berjaya mengembang dan mengukuhkan jalinan '*networking*' di kalangan para usahawan wanita yang terdiri daripada kluster penjaja kecil (*informal*), usahawan PKS dan juga koperasi wanita.

Bancian yang di jalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2016 menunjukkan bahawa peratusan perusahaan milikan wanita yang berdaftar adalah 20.6% atau 187,000 perusahaan, daripada jumlah perusahaan 907,065 berdaftar di negara ini. Sehubungan itu, Kerajaan telah mensasarkan menjelang tahun 2020, peratusan perusahaan milikan wanita ini akan meningkat kepada peratusan yang lebih tinggi.

Sesi pada hari ini juga merupakan permulaan yang baik ke arah mencapai aspirasi dalam Teras 1: Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030) : Ekosistem Perniagaan dan Industri. Salah satunya, PKS dan usahawan mikro di sasar menyumbang sebanyak 50% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2030. Saya pasti dengan input dan cadangan yang di perolehi hari ini, bukan sahaja program berstruktur dapat di hasilkan, bahkan sasaran perusahaan milikan wanita yang lebih tinggi juga dapat di capai.

Program ini diadakan sebagai tanda iltizam dan komitmen MEDAC yang berterusan untuk mengangkat martabat golongan usahawan wanita yang merupakan sebahagian daripada tonggak kepada kestabilan sosial serta ekonomi negara. Ia juga sebagai langkah permulaan bagi MEDAC untuk melihat ekosistem keusahawanan wanita secara menyeluruh, di mana NGO dan Kerajaan berganding bahu merangka program

yang berstruktur dan teratur, ke arah memartabatkan kelestarian usahawan wanita Malaysia, jua.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)
15 SEPTEMBER 2020